

19 OCT 2000

DR MAHATHIR BERLEPAS KE KOREA SELATAN

PETALING JAYA, 19 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Seoul, Korea Selatan, tengah hari ini untuk menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) kali ketiga esok,

Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali. berlepas dengan penerbangan khas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaacob dan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai adalah antara mereka yang hadir di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri.

Asem merupakan forum bagi negara Asia dan Eropah untuk menggalakkan kerjasama dalam bidang ekonomi, politik dan kebudayaan. Mesyuarat pertama pemimpin berkenaan berlangsung di Bangkok pada Mac 1996 manakala Asem kedua diadakan di London pada April 1998.

Pada mesyuarat Seoul itu, paemimpin itu dijangka mengesahkan Rangka Kerja Kerjasama Asia-Eropah (AECF) untuk menggariskan wawasan Asem, prinsip asasnya dan objektifnya pada abad akan datang selain projek yang akan dilaksanakan.

-- BERNAMA

NZ AHH JK NMO